

TNB diarah kaji jimatkan tenaga

Oleh Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua pihak terutama Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengkaji langkah menjimatkan penggunaan tenaga dalam pelbagai sektor termasuk perdagangan dan kawasan kediaman.

Perdana Menteri berkata, peluang menjimatkan tenaga, khususnya dalam sektor industri amat besar. Kajian Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menunjukkan peluang penjimatan sekitar 20 hingga 52 peratus bagi seluruh rangkaian industri.

"Peluang penjimatan tertinggi adalah dalam industri pengeluaran makanan, diikuti kayu dan tekstil. Oleh itu, kajian sewajarnya hendaklah dijalankan untuk memastikan peluang penjimatan tenaga dalam sektor lain

termasuk perdagangan dan kediaman.

"Utiliti utama seperti TNB perlu menolong meningkatkan penggunaan elektrik secara berkesan supaya ia dapat dijimatkan. Agensi kerajaan juga perlu berbuat demikian bagi menjadikan negara kita lebih produktif," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya yang dibacakan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu sewaktu melancarkan Perayaan 100 Tahun Elektrik di Malaysia di sini malam tadi. Turut dilancarkan ialah buku Sejarah Elektrik dan Kanan Grid Elektrik.

Dr Mahathir berkata, usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan kualiti tenaga manusia yang saintifik dan teknikal

untuk menyediakan bekalan elektrik.

"Ini kerana penyediaan bekalan elektrik yang tinggi memerlukan lebih ramai tenaga manusia terlatih. Pembangunan tenaga manusia melalui latihan adalah satu prasyarat penting dalam menjamin pembangunan teknologi canggih," katanya.

Menurutnya, sektor elektrik adalah satu bidang ekonomi yang penting kerana dalam tempoh 20 tahun akan datang, pelaburan dalam bidang itu dijangka melebihi RM100 bilion.

"Dengan ini, peluang begitu terbuka bukan saja berkaitan dengan kerja pembangunan penjanaaan, penghantaran dan pengagihan, malah bidang pengeluaran peralatan elektrik," katanya.

Dr Mahathir berkata, sumber tenaga bagi penjanaaan elektrik perlu dirancang secara efektif supaya bekalan tidak putus dan seterusnya menjamin pertumbuhan ekonomi negara.

"Cabaran terpenting ialah memastikan sumber tenaga bagi industri ini mencukupi. Bagi memastikan negara memperolehi bekalan berterusan dengan harga berpatutan, kerajaan memperkenalkan persaingan serta meliberalkan sektor elektrik terutamanya dalam bidang penjanaaan.

"Sebanyak enam pengeluaran kuasa bebas (IPP) sudah dilesenkan. Apabila beroperasi sepenuhnya menjelang 1996/97, IPP akan menyumbang secara bersama 4,000 mw dengan pelaburan berjumlah RM9 bilion," katanya.